



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PAPAN TANDA  
DILARANG MEROKOK DI PREMIS MAKANAN  
MPSP

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**19 JANUARI 2019 (SABTU)**  
**9.00 PAGI**

**KOMPLEKS PENJAJA PASAR AWAM KOTA PERMAI  
BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Wakil**  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**Para Peniaga dan Pengunjung Kompleks Penjaja Pasar Awam Kota Permai**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya, dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini di dalam Majlis Pelancaran Papan Tanda Dilarang Merokok di Premis Makanan MPSP yang diadakan di Kompleks Penjaja Pasar Awam Kota Permai, Bukit Mertajam.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada urusetia penganjuran majlis pada pagi ini yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar. Kepada para hadirin yang dihormati sekalian, selamat datang dan terima kasih kerana sudi hadir bersama memeriahkan majlis kita pada pagi ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Tembakau dan produk tembakau merupakan komoditi sah yang didagangkan tetapi secara saintifik membunuh separuh daripada penggunanya. Disebabkan bahayanya tembakau kepada kesihatan,

penggunaan tembakau dan produk tembakau adalah dikawal di bawah konvensyen antarabangsa iaitu *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC) di mana Malaysia merupakan salah satu ahli konvensyen tersebut sejak 2005 lagi.

Pewartaan kawasan larangan merokok di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 adalah bertujuan untuk melindungi golongan orang ramai terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok. Ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia kepada *Article 8, World Health Organization - Framework Convention on Tobacco Control: Protection from exposure to tobacco smoke*. Selain itu, tujuan lain adalah untuk membudayakan amalan tidak merokok dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan menghadkan kawasan yang dibenarkan merokok terutamanya di kawasan tumpuan orang awam.

Menurut kajian *Global Adult Tobacco Survey: Country Report (Malaysia)* pada tahun 2011, mereka yang terdedah kepada asap rokok terutamanya di tempat-tempat awam seperti kedai makan adalah sebanyak 84.9% iaitu lebih kurang 8.5 juta orang di Malaysia. Manakala, melalui tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun 2015, pendedahan asap rokok di tempat kerja adalah 37.3% dan di rumah

persendirian adalah sebanyak 37.1%. Ini merupakan satu peratusan yang membimbangkan dan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia memandang serius akan perkara ini kerana risiko untuk mendapat penyakit oleh perokok pasif yang terdedah kepada asap rokok adalah sama dengan perokok aktif.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Peruntukan Undang-Undang PU(A) 166-167 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 1997 bertarikh 20 Mac 1997 dan Akta Makanan 1983 telah mewartakan tempat-tempat larangan merokok iaitu:-

- a) pusat hiburan atau teater;
- b) hospital dan klinik;
- c) lif atau tandas awam;
- d) tempat makan atau kedai berhawa dingin;
- e) kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam;
- f) mana-mana bangunan yang dinyatakan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta;
- g) lapangan terbang;
- h) premis kerajaan;

- i) kawasan yang digunakan untuk aktiviti perhimpunan di dalam sesuatu bangunan selain bangunan kediaman atau persendirian;
- j) institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi;
- k) taman asuhan kanak-kanak;
- l) bas sekolah;
- m) kompleks membeli-belah;
- n) stesyen minyak;
- o) stadium, kompleks sukan, pusat kecergasan atau gymnasium;
- p) bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan;
- q) perpustakaan; dan
- r) kafe internet

Pada 3 Oktober 2018, Parlimen Malaysia telah bersetuju untuk menetapkan penguatkuasaan larangan merokok di semua premis makanan atau tempat-tempat makan, termasuk restoran bertutup, berhawa dingin atau restoran dan warung berkonsep terbuka mulai 1 Januari 2019. Oleh yang demikian, bermula 1 Januari 2019 di bawah Peraturan-Peraturan

Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018, semua tempat makan sama ada berhawa dingin atau tidak, adalah diwartakan sebagai Tempat Dilarang Merokok. Pindaan pewartaan tempat makan ini dibuat di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004) adalah bertujuan untuk melindungi orang awam terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok. Ia juga selaras dengan komitmen Malaysia kepada Artikel 8, *World Health Organization* (WHO) *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC). Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk membudayakan amalan tidak merokok dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan menghadkan kawasan yang dibenarkan merokok terutama di kawasan tumpuan orang awam.

Orang ramai adalah diminta untuk tidak merokok di semua tempat makan sama ada berhawa dingin dan tidak berhawa dingin. Ini termasuklah di dalam dan luar bangunan kawasan kedai makan, restoran dan juga medan selera. Larangan ini juga meliputi semua gerai-gerai makan dan kenderaan bergerak yang menyediakan kemudahan meja dan kerusi untuk makan dan minum serta semua restoran yang berada di atas kapal dan keretapi. Ianya meliputi kawasan dalam lingkungan jarak tiga (3) meter dari mana-mana meja atau kerusi yang diletakkan bagi tujuan untuk menyediakan, menghidangkan atau menjual makanan. Penguatkuasaan larangan merokok dikecualikan di pub, diskò, kelab malam dan kasino.

Di antara langkah-langkah yang diambil dalam usaha menguatkuasakan peraturan ini adalah Penguatkuasaan Pendidikan (*Educational Enforcement*) untuk enam bulan pertama (Januari – Jun 2019) dengan mengadakan sesi taklimat berikutan tanggungjawab tuan punya premis dalam memastikan pematuhan dalam Peraturan Larangan Merokok, mengadakan pendidikan berkenaan kawasan-kawasan tempat makan yang dilarang dan merangka jadual bagi menjalankan penguatkuasaan pendidikan. Ini bagi meningkatkan kesedaran dan pematuhan orang awam kepada larangan ini. Dari 1 sehingga 16 Januari 2019, pihak Kementerian Kesihatan telah lawatan penguatkuasaan pendidikan di 1,432 premis makanan di seluruh Seberang Perai dan mengedarkan 3,530 risalah. Kementerian juga mendapati 435 premis makanan yang tidak mempunyai tanda larangan merokok dan telah memberi amaran kepada 4215 pengusaha dan lapan (8) orang perokok.

Sebaik sahaja selesai tempoh tersebut nanti iaitu pada 30 Jun 2019, aktiviti penguatkuasaan penuh larangan merokok akan dilaksanakan secara berkala oleh Pegawai Kesihatan Persekutuan dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan daripada Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri mulai Julai 2019.

Denda yang dikenakan melalui aktiviti penguatkuasaan adalah merupakan satu strategi bagi memastikan pematuhan orang ramai kepada larangan ini. Di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 mana-mana individu yang melakukan kesalahan merokok di tempat larangan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi dua (2) tahun. Manakala di bawah Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, semua pemilik, pengusaha atau tuan punya permis atau kenderaan yang gagal mempamerkan tanda larangan merokok yang jelas boleh dikenakan tindakan denda tidak melebihi RM 3,000 atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan. Bagi kesalahan gagal memastikan tiada orang merokok dan menyediakan kemudahan untuk merokok boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak melebihi satu (1) tahun.

Saya dan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia memohon kerjasama dan komitmen semua lapisan masyarakat agar memainkan peranan sewajarnya bagi memastikan Peraturan ini dipatuhi. Kami sentiasa komited bagi memastikan orang awam terutama kanak-kanak, wanita mengandung dan orang tua sentiasa dilindungi daripada bahaya asap rokok dan produk merokok yang lain.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Untuk makluman, terdapat 30 pasar awam dan 66 kompleks makanan milik MPSP di seluruh Seberang Perai. Berikutnya dengan peraturan larangan merokok di tempat makan atau kedai berhawa dingin yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2019, maka setiap premis tempat makan atau kedai berhawa dingin juga dikehendaki mempamerkan tanda larangan merokok di mana-mana bahagian premis yang mudah dilihat. Saya menyeru agar tuan-tuan dan puan-puan yang mengendalikan premis-premisi makanan melaksanakan tanggungjawab anda dan elakkan daripada dikompaun.

Sudah menjadi kewajipan tuan-tuan dan puan-puan untuk menegur dan melapor mana-mana individu yang merokok di tempat makan kepada pegawai daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Semua aduan boleh dihantar di atas talian hotline 010-8608949 atau menelefon pada waktu pejabat di talian 03-88924530 dengan mengemukakan nama premis makanan tersebut, gambar perokok yang sedang menghisap rokok, waktu dan tarikh yang dirakamkan serta maklumkan sekiranya premis berkenaan tiada papan tanda larangan merokok.

MPSP telah mengambil inisiatif untuk membuat pemasangan papan-papan tanda larangan merokok di kesemua kompleks makanan dan gerai makanan di pasar awam milik MPSP. Pemasangan papan tanda dilarang merokok bersaiz 40cm x 50cm akan dilaksanakan di dalam semua premis makanan milik MPSP iaitu di Kompleks Makanan dan gerai-gerai makanan di Pasar Awam. Untuk peringkat kedua pula, pemasangan papan tanda dilarang merokok bersaiz 60cm x 90cm akan dilaksanakan di laluan masuk menuju ke premis makanan milik MPSP.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MPSP mengamalkan dasar penuh kebertanggungjawaban dan keterbukaan serta penyampaian perkhidmatan yang pantas dan berkesan dalam usaha meningkatkan keyakinan semua pihak. Sebagai *People Centric Government*, MPSP sentiasa memberi fokus kepada isu-isu semasa yang dihadapi rakyat bukan sahaja dalam menangani isu-isu pengurusan sisa pepejal, kesesakan lalulintas, pemantauan lampu isyarat dan lampu bahkan juga isu-isu kesihatan untuk kesejahteraan rakyat.

Akhir kata, saya berharap Larangan Merokok di Premis-Premis Makanan akan mendapat sokongan sepenuhnya daripada semua pihak.

Terima kasih ditujukan kepada semua para jemputan yang turut hadir dan memeriahkan majlis pada hari ini. Saya dengan sukacitanya dengan lafaz BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM merasmikan Majlis Pelancaran Papan Tanda Dilarang Merokok di Premis Makanan MPSP.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**